

DARI MUKA 1

Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz; Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed dan kalangan tokoh korporat tempatan serta asing.

Abdullah berkata, menerusi IMP3, sektor pembuatan yang kini menyumbang 31 peratus kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) dan 77 peratus jumlah eksport, terus menjadi sektor penting.

"Sektor ini disasar berkembang pada kadar 6.0 peratus setahun sepanjang tempoh IMP3 (2006-2020) dan menyumbang 29 peratus kepada KDNK pada 2020," katanya.

Beliau berkata, langkah juga dibuat bagi menggalakkan pertumbuhan industri pembuatan berasaskan sumber kerana ketika ini industri berasaskan bukan sumber seperti elektrik, elektronik, peralatan dan jentera menunjukkan lebih banyak pertumbuhan dan peningkatan dalam sumbangannya kepada eksport.

Katanya, sudah tiba masanya kekayaan sumber asli negara direalisasikan dan dimanfaatkan sepenuhnya, melalui pembangunan produk bernilai tambah tinggi seperti oleokimia, biofuel, produk kayu, makanan, farmaseutikal dan nutrasetikal.

"Kita mempunyai kelebihan tetapi kurang memajukannya. Sebab itu Kita perlu bergabung dan menggunakan sepenuhnya pengetahuan bagi menghasilkan nilai dan ini adalah satu daripada falsafah sektor pembuatan sepanjang tempoh IMP3," katanya.

Dalam sektor perkhidmatan, sumbangan segmen bukan kerajaan diunjurkan berkembang 7.5 peratus dan menambah sumbangannya kepada KDNK daripada 51 peratus pada 2005 kepada 60 peratus pada 2020.

Bagi mencapai kadar pertumbuhan yang disasarkan itu, Malaysia perlu memperbaiki kedudukannya sebagai penyedia perkhidmatan kompetitif dan bersedia menghadapi saingan daripada negara yang menawarkan kos rendah.

Sehubungan itu, Perdana Menteri berkata, kerajaan akan bekerjasama dengan sektor swasta memastikan liberalisasi sektor perkhidmatan menjadi produktif.

IMP3 juga memberi tumpuan terhadap usaha membangunkan lapan subsektor perkhidmatan iaitu perkhidmatan perniagaan dan profesional, pengagihan perdagangan, pembinaan, pendidikan dan latihan, penjagaan kesihatan, pelancongan, teknologi maklumat dan komunikasi (ICT) dan logistik.

Untuk sektor pertanian, strategi IMP3 ialah memberi tumpuan kepada usaha menggiatkan dan memodenkan semula bidang berkenaan yang selama ini kurang diberi perhatian.

Usaha menggerakkan sektor itu dilakukan melalui langkah menggalakkan pemindahan teknologi dan amalan terbaik melalui perladangan kontrak, pembangunan biji benih yang memberi hasil pulangan tinggi dan mengukuhkan rangkaian bekalan.

Bagi memberikan kekuatan sewajarnya, kerajaan akan melengkapkan pelaburan sektor swasta bagi membolehkan sektor itu berkembang pada kadar 5.2 peratus sepanjang tempoh IMP3.

Perdana Menteri berkata, bagi memberi kesan transformasi dalam tiga teras ekonomi itu, pelaburan asing terus kekal penting. Malaysia akan menggunakan pendekatan lebih fokus bagi menarik pelaburan langsung asing, terutama dalam aktiviti bernilai tambah.

"Pelaburan dalam negara pula akan diperoleh dengan memberi tumpuan terhadap industri dan subsektor yang mempunyai potensi eksport tinggi serta kelebihan daya saing seperti produk makanan, halal dan berasaskan sawit," katanya.

Tiga sektor teras IMP3

Bidang pembuatan, perkhidmatan, pertanian jana ekonomi: PM

Oleh Azman Zakaria, Zainab Mohd Yatim dan Azli Ayob

KUALA LUMPUR: Pelan Induk Perindustrian Ketiga (IMP3) yang dilancarkan Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi semalam menggariskan 10 strategi untuk memacu daya saing ekonomi negara ke arah mencapai matlamat Wawasan 2020.

IMP3 bertemakan 'Malaysia - Ke Arah Daya Saing Global' itu memberi hala tuju bagi pertumbuhan dan pembangunan industri serta sektor perkhidmatan negara untuk tempoh 15 tahun akan datang.

Berucap melancarkan dokumen itu di Pusat Konvensyen Kuala Lumpur, Perdana Menteri berkata, IMP3 dirumus berdasarkan tiga teras ekonomi utama iaitu dalam sektor pembuatan, perkhidmatan dan pertanian.

IMP3, yang juga sebahagian daripada komponen utama menjayakan Misi Nasional dalam Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) dijangka mampu meningkatkan rangkaian nilai ekonomi negara.

Pelan berkenaan akan menggerakkan tiga teras utama itu melangkaui peringkat pembangunan pertengahan kepada tahap yang lebih produktif, bernilai tambah serta lebih berintensifkan pengetahuan.

"Menjelang 2020, Malaysia perlu disokong sektor pembuatan yang mempunyai asas menyeluruh dan matang; sektor perkhidmatan yang inovatif dan kompetitif; serta sektor pertanian yang moden dan dinamik," katanya.

Turut hadir pada majlis itu ialah



LIHAT MUKA 2

PERANCANGAN MASA DEPAN: Abdullah menunjukkan buku IMP3 yang menggariskan 10 strategi memacu ekonomi negara.

KHARUL GHAZALI / BERITA HARIAN